



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM BERSAMA KOMUNITI MELALUI PROGRAM ORGANISASI BERASASKAN KOMUNITI (CBO)

PAPAR, 19 OGOS – YB Dato' Sri Hajah Nancy Syukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini, telah menyempurnakan Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @ Papar, Sabah bertempat di Dewan Masyarakat Papar, Sabah.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam usaha untuk mempergiat penyampaian perkhidmatan melalui pendampingan komuniti yang melibatkan intergenerasi dalam usaha mengangkat dan memartabatkan kumpulan sasaran Jabatan selaras dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'.

Dalam usaha untuk membendung peningkatan kes-kes yang melibatkan golongan rentan dalam komuniti khususnya kanak-kanak, golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas serta mangsa keganasan rumahtangga, Kementerian mewujudkan CBO yang menjadi asas kepada pembangunan komuniti yang didorong oleh anggota komuniti itu sendiri. Tugas melindungi serta menjaga keselamatan dan kebajikan golongan tersebut adalah tanggungjawab bersama semua pihak khususnya komuniti setempat.

Sebanyak lima (5) program CBO telah dilaksanakan oleh KPWKM melalui JKM pada tahun 2023 dan 2024 yang melibatkan negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan dan Pulau Pinang. Program hari ini, merupakan CBO yang ke enam dan melibatkan seramai 340 orang peserta yang terdiri daripada kumpulan sasaran Kementerian, Jabatan, komuniti setempat dan pemimpin komuniti mendapat pendedahan berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak KPWKM dan JKM.

Program yang dilaksanakan ini merupakan salah satu usaha KPWKM untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran ahli-ahli komuniti yang menganggotai Organisasi Berasaskan Komuniti atau *Community Based Organization* (CBO) di daerah Papar sebagai rakan strategik membantu menyantuni kumpulan sasar Kementerian. Sesebuah organisasi dalam komuniti memainkan peranan penting dalam membangunkan komuniti setempat, menerusi promosi penglibatan komuniti dan tindakan kolektif ahli komuniti dalam menangani masalah setempat serta memenuhi defisit keperluan komuniti dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup.

Terdahulu, YB Menteri turut mengadakan lawatan ziarah kasih ke rumah klien penerima bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Terlantar dan menyampaikan sumbangan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam Daerah Papar. Berdasarkan Statistik JKM, penerima bantuan di Sabah adalah seramai **69,807 penerima** dengan peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak **RM317,923,40.00**. Daripada jumlah tersebut, penerima bantuan bagi Daerah Papar adalah seramai **2,590 orang penerima** dengan peruntukan yang disalur adalah sebanyak **RM 11,384,425.00**.

KPWKM melalui JKM menyeru komuniti setempat, memanfaatkan sistem **Talian Kasih 15999** atau **whatsapp 019-26 15999** apabila berlaku kes-kes penderaan yang melibatkan anggota masyarakat, komuniti khususnya kanak-kanak untuk mendapatkan pertolongan dan bantuan segera.

Turut serta dalam program ini Yang Berhormat Datuk Armizan Bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Yang Berhormat Datuk Juil Nuatim, ADUN N27 Limbahau, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ghulam Haidar @ Yusof bin Khan Bahadar ADUN N28 Kawang, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
19 OGOS 2024**